

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI SABAH
Aras Bawah, 6, 8 - 11 dan 13, Wisma Bandaraya
Jalan Masjid Lama
88000 KOTA KINABALU



No. Tel.: 088 288333 No. Faks: 088 269071

Rujukan Kami : KSTI : 100-4/1 (31)

Tarikh : 27 Oktober 2025

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri;
Semua Ketua Jabatan Negeri;
Semua Pegawai Daerah / Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil;
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri; dan
Semua Ketua Eksekutif Badan Berkanun Negeri

Yang Berbahagia Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
BILANGAN 4/2025
GARIS PANDUAN PENGGUNAAN *BRING YOUR OWN DEVICE* (BYOD)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas serta Surat Pekeliling Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Bilangan 4/2025: Garis Panduan Penggunaan *Bring Your Own Device* (BYOD), No. Rujukan KSTI: 100-4/1(21) bertarikh 26 September 2025.

2. Untuk makluman, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (KSTI) Sabah telah mengeluarkan Garis Panduan Penggunaan *Bring Your Own Device* (BYOD). Garis panduan ini bertujuan memperkukuhkan tadbir urus penggunaan peralatan ICT peribadi oleh penjawat awam bagi menjalankan tugas rasmi.

... 3. Sehubungan dengan itu, sebagai langkah bagi memastikan keselamatan maklumat, keberkesanan operasi dan pematuhan kepada peraturan organisasi, pihak kementerian memohon agar pekeling dan garis panduan ini diguna pakai serta dipatuhi oleh semua pihak yang berkenaan. Bersama-sama ini dilampirkan salinan Garis Panduan Penggunaan *Bring Your Own Device* (BYOD) untuk rujukan dan tindakan YBhg. Datuk/Tuan/Puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


(HASSAN BIN MAHALI)

Setiausaha Tetap
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah

"SABAH MAJU JAYA"

SURAT PEKELILING KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI BILANGAN 4/2025
GARIS PANDUAN PENGGUNAAN BRING YOUR OWN DEVICE (BYOD)

- s.k (1) Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri,
Aras 28, Blok A, Menara Kinabalu,
Jalan UMS, Teluk Likas,
88400 KOTA KINABALU
- (2) YBhg. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pentadbiran)
Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pentadbiran)
Tingkat 25, Blok A, Menara Kinabalu,
Jalan UMS, Teluk Likas,
88400 KOTA KINABALU
- (3) YBhg. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)
Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)
Tingkat 25, Blok A, Menara Kinabalu,
Jalan UMS, Teluk Likas,
88400 KOTA KINABALU
- (4) YBhg. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Tugas – Tugas Khas)
Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Tugas – Tugas Khas)
Tingkat 29, Blok A, Menara Kinabalu,
Jalan UMS, Teluk Likas,
88400 KOTA KINABALU



KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI SABAH
Aras Bawah, 6, 8 - 11 dan 13, Wisma Bandaraya
Jalan Masjid Lama
88000 KOTA KINABALU



No. Tel.: 088 288333 No. Faks: 088 269071

Rujukan Kami : KSTI : 100-4/1 (21)

Tarikh : 26 September 2025

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pegawai Daerah / Semua Penolong Pegawai Daerah (Kecil)
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Semua Ketua Eksekutif Badan Berkanun Negeri

Yang Berbahagia Datuk,
Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
BILANGAN 4/2025
GARIS PANDUAN PENGGUNAAN *BRING YOUR OWN DEVICE* (BYOD)

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk memantapkan tadbir urus penggunaan peralatan ICT peribadi oleh penjawat awam untuk menjalankan tugas rasmi.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kerajaan Negeri sedang giat melaksanakan pelbagai inisiatif transformasi digital bagi memperkasakan perkhidmatan awam, meningkatkan daya saing ekonomi, dan menyokong kesejahteraan rakyat. Dalam usaha ke arah ini, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) memainkan peranan penting sebagai salah satu pemacu utama dalam pembangunan ekonomi negeri.
- 2.2 Seiring dengan perkembangan ini, konsep *Bring Your Own Device* (BYOD), iaitu penggunaan peranti peribadi seperti telefon pintar, komputer riba, dan tablet untuk urusan rasmi adalah relevan dan merupakan satu pendekatan untuk menyokong pelaksanaan tugas yang lebih efisien.

“SABAH MAJU JAYA”

SURAT PEKELILING KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI BILANGAN 4/2025
GARIS PANDUAN PENGGUNAAN *BRING YOUR OWN DEVICE (BYOD)*

- 2.3 Namun penggunaan peranti peribadi untuk tujuan rasmi berpotensi menimbulkan risiko kepada keselamatan data kerajaan seperti kebocoran maklumat sulit, serangan siber dan penyalahgunaan akses sistem.
- 2.4 Konsep *Bring Your Own Device (BYOD)* seperti yang disebut dalam Dasar Keselamatan Siber Sektor Awam Negeri Sabah (DKS) akan diperincikan dalam pekeliling ini.

3. KEPERLUAN

- 3.1 Konsep *Bring Your Own Device (BYOD)* dalam menjalankan tugas rasmi memerlukan pematuhan terhadap keperluan tertentu bagi memastikan keselamatan maklumat, keberkesanan operasi dan pematuhan kepada peraturan organisasi.
- 3.2 Penetapan garis panduan penggunaan peranti peribadi untuk tugas rasmi adalah untuk memastikan penggunaannya dilaksanakan dengan selamat dan efisien selaras dengan keperluan pematuhan keselamatan siber bagi memastikan keselamatan maklumat terjamin.
- 3.3 Penggunaan peranti peribadi secara bertanggungjawab bukan sahaja memperbaiki kecekapan dan produktiviti kerja, tetapi juga memupuk budaya kerja yang lebih fleksibel dan berorientasikan teknologi.

4. PENGUATKUASAAN

- 4.1 Surat Pekeliling ini adalah berkuat kuasa serta-merta mulai dari tarikh ia dikeluarkan.
- 4.2 Surat Pekeliling ini adalah juga dipanjangkan untuk diguna pakai oleh Badan-badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri, tertakluk kepada penerimaan dan pemakaian dasar/polisi masing-masing.

SURAT PEKELILING KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI BILANGAN 4/2025
GARIS PANDUAN PENGGUNAAN *BRING YOUR OWN DEVICE (BYOD)*

5. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan atau kemusykilan mengenai pekeliling ini boleh dirujuk ke alamat perhubungan di bawah:

Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
Aras 6 & 7, Blok A, Menara Kinabalu
Jalan UMS, Teluk Likas
88400 **Kota Kinabalu**
Tel : 088-368900
Emel : jpkn@sabah.gov.my

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(HASSAN BIN MAHALI)

Setiausaha Tetap

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah

- s.k (1) Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri,
Aras 28, Blok A, Menara Kinabalu,
Jalan UMS, Teluk Likas,
88400 KOTA KINABALU
- (2) YBhg. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pentadbiran)
Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pentadbiran)
Tingkat 25, Blok A, Menara Kinabalu,
Jalan UMS, Teluk Likas,
88400 KOTA KINABALU
- (3) YBhg. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)
Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)
Tingkat 25, Blok A, Menara Kinabalu,
Jalan UMS, Teluk Likas,
88400 KOTA KINABALU

“SABAH MAJU JAYA”

SURAT PEKELILING KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI BILANGAN 4/2025
GARIS PANDUAN PENGGUNAAN *BRING YOUR OWN DEVICE (BYOD)*

- (4) YBhg. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Tugas – Tugas Khas)
Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Tugas – Tugas Khas)
Tingkat 29, Blok A, Menara Kinabalu,
Jalan UMS, Teluk Likas,
88400 KOTA KINABALU

- (5) Pengarah
Jabatan Audit Dalam Negeri,
Tingkat 7 -10, Blok B,
Wisma Tun Fuad Stephens,
Jalan Tuaran, Karamunsing
88300 KOTA KINABALU

- (3) Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
Aras 7, Blok A, Menara Kinabalu,
Jalan UMS, Teluk Likas,
88400 KOTA KINABALU

**LAMPIRAN KEPADA SURAT PEKELILING KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI
DAN INOVASI BILANGAN 4/2025)**

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN *BRING YOUR OWN DEVICE (BYOD)*

KANDUNGAN

MUKA SURAT

1.0	Pengenalan	1
2.0	Takrifan	1
3.0	Skop	2
4.0	Tanggungjawab Pengguna BYOD	3
5.0	Pemantauan dan Kawalan Keselamatan	5
6.0	Pematuhan	5
7.0	Pemakaian	5
8.0	Pertanyaan	6
9.0	Penutup	6

1. PENGENALAN

1.1 *Bring Your Own Device* (BYOD) merupakan peranti peribadi seperti telefon pintar, tablet dan komputer riba yang digunakan oleh kakitangan untuk melaksanakan tugas rasmi.

1.2 Kerajaan Negeri Sabah telah membenarkan penggunaan konsep BYOD bagi meningkatkan produktiviti penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada rakyat dan dalam urusan menyokong aktiviti kerja pentadbiran di AKNS

1.3 Penggunaan peranti peribadi BYOD dalam persekitaran AKNS perlu dikawal selia bagi memastikan aset dan maklumat kerajaan negeri sentiasa terpelihara dan terkawal.

1.4 Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan tatacara penggunaan secara selamat bagi semua peranti peribadi BYOD yang digunakan untuk melaksanakan tugas rasmi di semua Agensi Kerajaan Negeri Sabah (AKNS).

2. TAKRIFAN

Melainkan sesuatu itu jelas maksudnya di dalam Surat Pekeliling ini, takrifan di bawah hendaklah diguna pakai:

2.1 DKS

Merujuk kepada Dasar Keselamatan Siber Sektor Awam Negeri Sabah.

2.2 Peranti BYOD

Peranti BYOD atau "*Bring Your Own Device*" merujuk kepada amalan warga Agensi Kerajaan Negeri Sabah yang membawa peralatan ICT milik peribadi termasuk, tetapi tidak terhad kepada komputer riba, telefon pintar, atau tablet ke tempat kerja. Amalan ini bertujuan untuk melaksanakan tugas rasmi, mengakses sistem maklumat Kerajaan Negeri Sabah, mengendalikan maklumat rasmi serta rahsia rasmi kerajaan negeri, atau menggunakan rangkaian Agensi Kerajaan Negeri Sabah.

2.3 Media Storan

Media storan merujuk kepada sebarang peranti atau medium yang digunakan untuk menyimpan, merekod, atau memindahkan data dan maklumat dalam bentuk digital. Contoh media storan termasuk lah:

- **Pemacu keras dalaman dan luaran** (seperti *external hard disk*).
- **Pemacu USB** atau *thumb drive*.
- **Kad memori**, seperti *SD card* dan *microSD*.
- **Peranti storan optik**, seperti *CD*, *DVD*, atau *Blu-ray*.
- **Awan (*cloud storage*)**, seperti *Google Drive*, *OneDrive*, atau *Dropbox*.

- **Storan mudah alih lain**, termasuk peranti seperti telefon pintar atau tablet.

2.4 Pihak JPKN

Pihak JPKN merujuk kepada kakitangan teknikal Bahagian Keselamatan Siber, Bahagian Operasi Teknikal ICT, Pejabat Cawangan JPKN dan Pasukan Inovasi Digital.

3. SKOP

3.1 Skop garis panduan ini melibatkan penggunaan peranti (BYOD) yang digunakan oleh kakitangan AKNS untuk melaksanakan tugas rasmi.

3.2 Kategori peranti BYOD adalah termasuk, tetapi tidak terhad kepada komputer riba, telefon pintar atau tablet.

4. TANGGUNGJAWAB PENGGUNA BYOD

Semua kakitangan Agensi Kerajaan Negeri (AKNS) yang menggunakan peranti BYOD adalah diminta untuk melaksanakan tanggungjawab yang ditetapkan dan mengambil tindakan-tindakan berikut:

4.1 Kawalan Kata Laluan

4.1.1 Mengaktifkan fungsi keselamatan kata laluan di setiap komputer riba/peranti. Sekiranya *Active Directory* wujud, komputer berkenaan perlu sambung ke *Domain Server*.

4.1.2 Menetapkan mekanisme kawalan akses peranti dan akan mengunci secara automatik apabila tidak digunakan.

4.2 Perisian

4.2.1 Dilarang memasang perisian yang boleh mengganggu sistem rangkaian jabatan atau Agensi Sektor Awam Negeri Sabah.

4.2.2 Dilarang memasang perisian yang tidak dibenarkan untuk melaksanakan tugas rasmi Jabatan/Agensi Sektor Awam Negeri Sabah.

4.2.3 Peranti BYOD hendaklah dilindungi oleh perisian *Endpoint Security* bagi mengelak penyebaran *virus/malware/trojan* dan lain-lain ke atas pengguna Jabatan/Agensi Sektor Awam Negeri Sabah yang lain.

4.2.4 Perisian peranti BYOD hendaklah dilengkapi dengan sistem pengoperasian dan perisian antivirus yang diselenggara dengan baik.

4.3 Capaian Rangkaian

4.3.1 Peranti BYOD yang membuat sambungan ke rangkaian Jabatan /Agensi Sektor Awam Negeri adalah tidak dibenarkan membuat capaian menggunakan proksi luar, *virtual private network* (VPN) atau yang seumpama dengannya.

4.3.2 Dilarang menjadikan peranti BYOD sebagai *access point* kepada aset ICT Jabatan/Agensi Sektor Awam Negeri untuk capaian ke Internet tanpa kebenaran.

4.4 Keselamatan Data

4.4.1 Memastikan keselamatan maklumat semasa menggunakan peranti BYOD.

4.4.2 Memastikan peranti yang digunakan menggunakan teknologi penyulitan (*encryption*), tandatangan digital atau sebarang mekanisme bagi melindungi maklumat elektronik semasa ianya digunakan.

4.4.3 Dilarang menyalin dan membawa keluar maklumat organisasi dengan menggunakan peranti BYOD dan media storan tanpa kebenaran.

4.4.4 Memadam dokumen elektronik dengan merincih secara elektronik/ 'secure deletion' selepas dokumen tidak lagi digunapakai.

4.4.5 Memadamkan segala maklumat yang berkaitan dengan urusan rasmi jabatan sekiranya bertukar/ditamatkan perkhidmatan/bersara atau sewaktu dihantar ke pusat servis luar untuk penyelenggaraan.

4.5 Perlindungan Fizikal

4.5.1 Dilarang meninggalkan peranti BYOD di ruangan pejabat yang terbuka tanpa menguncikannya;

4.5.2 Menamatkan sesi penggunaan selepas digunakan;

4.5.3 Memastikan peranti BYOD tidak digunakan oleh pihak yang tidak berkaitan; dan

4.5.4 Menggunakan kemudahan *password screen saver* atau *logout* apabila meninggalkan komputer.

4.6 Penggunaan BYOD

4.6.1 Peranti BYOD hanya boleh digunakan untuk urusan rasmi dan dihadkan kepada capaian seperti berikut:

- (a) Urusan emel.
- (b) Capaian ke sistem rasmi jabatan/agensi.
- (c) Menguruskan maklumat rasmi.

4.6.2 Semua peringkat maklumat rasmi kerajaan adalah Hak Milik Kerajaan dan tidak boleh disimpan dalam peranti BYOD pengguna tanpa kebenaran.

5. PEMANTAUAN DAN KAWALAN KESELAMATAN

Bagi memastikan penggunaan BYOD adalah terkawal dan selamat, pihak JPKN adalah bertanggungjawab untuk:

5.1 Memantau peranti BYOD yang digunakan dalam rangkaian AKNS dan merekod log trafik capaian ke mana-mana peralatan dan sistem dalam AKNS atau keluar masuk Internet.

5.2 Menghalang peranti BYOD untuk mencapai mana-mana sistem atau kemudahan rangkaian seperti *WiFi* jika peralatan tersebut didapati memberi ancaman keselamatan atau telah dikompromi oleh penggodam.

5.3 Pemilik peranti BYOD bagi tujuan tugas rasmi hendaklah membenarkan pihak JPKN memasang perisian keselamatan dan menetapkan kawalan tertentu pada peranti BYOD dengan tujuan untuk memastikan maklumat kerajaan yang dicapai atau dimuat turun dikendalikan dengan selamat.

6. PEMATUHAN

Kakitangan AKNS adalah tertakluk kepada semua dasar, peraturan, pekeliling, prosedur dan garis panduan keselamatan maklumat yang diterima pakai dari semasa ke semasa. Sebarang ketidakpatuhan boleh mengakibatkan penggunaan BYOD ditarik semula atau dihalang/digantung serta tindakan tatatertib boleh dikenakan terhadap mereka.

7. PEMAKAIAN

Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan Arahan Keselamatan dan Dasar Keselamatan Siber Sektor Awam Negeri Sabah.

8. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkaitan dengan pekeliling dan Garis Panduan Penggunaan BYOD (*Bring Your Own Device*) ini boleh dirujuk ke alamat perhubungan di bawah:

Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
Aras 6 & 7, Blok A, Menara Kinabalu,
Jalan UMS, Teluk Likas,
88400 Kota Kinabalu
Tel: 088-368900
Emel: jpkn@sabah.gov.my

9. PENUTUP

Semua kakitangan AKNS yang menggunakan peranti peribadi untuk menjalankan tugas rasmi bertanggungjawab sepenuhnya untuk mematuhi garis panduan ini. Langkah ini penting bagi memastikan integriti sistem organisasi terjaga, keselamatan maklumat dilindungi daripada sebarang ancaman dan kelancaran penyampaian perkhidmatan dapat diteruskan.